

27 MAC 2018

## Dua mangsa keldai dadah berjaya pulang ke Malaysia

SINAR HARIAN • SELASA 27 MAC 2018

35

KUALA LANGAT, SEPANG

HUBUNGI SIUKU KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHARI - 019-6660920 / 019 6660275

### Dua mangsa keldai dadah berjaya pulang ke Malaysia

SEPANG - Dua rakyat Malaysia yang menjadi mangsa Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa di Peru berjaya dibawa pulang oleh Biro Kebajikan Umno Malaysia (BiKUM) yang diketuai oleh

Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Misi membawa pulang dua mangsa keldai dadah itu menyaksikan rakyat Malaysia Noor Suzana Azmi, 36, dan Noor Azimah, 38, Sapie uba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur kira-kira jam 3.15 petang disambut oleh keluarga dan Biro Kebajikan Umno Malaysia (BiKUM) diketuai oleh Dato Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Suzana dan Azimah dilihat tidak dapat menahan sedih dengan beberapa kali berteriak tanda kesal sejurus bertemu

keluarga selain meluahkan rasa rindu setelah 12 tahun tidak bertemu ibunya.

Suzana antara mangsa keldai dadah ditahan di Peru ketika berusia 24 tahun dan selepas 12 tahun terpaksa merempat di negara asing, dia berhasrat untuk pulang ke Malaysia.

Ibunya, Norliana Maarof ketika ditemui bersyukur dapat bertemu dengan anaknya yang sudah 12 tahun terpisah selain tidak sangka hasrat untuk menyambut Aidilfitri bersama tahun ini bakal terlaksana.

Menurutnya, sepanjang ketiadaan anak sulungnya, dia sering menunggu keajaiban supaya ada pihak membawa anaknya pulang.

"Makcik tak sangkalah hari ini (semalam) menjadi kenyataan, walaupun makcik dapat tahu dia dah berkahwin dan mempunyai dua orang anak lelaki."

"Masa dapat tahu anak makcik kena tahan atas tuduhan sebagai keldai dadah sindiket penyeludupan



Dr Shamsul Anuar Nasarah ketika dalam Sidang Media Misi membawa pulang dua rakyat Malaysia yang menjadi keldai dadah.

antarabangsa makcik sedih dan Alhamdulillah ada terima khabar berita dari dia walaupun tahu dia dalam kesudahan,"katanya kepada pemberita.

Bagi abang sulung Noor Azimah, Mohd Fadil Sapie, 45, sulung, dia terlalu gembira dapat bertemu adiknya selepas mendapat tahu ada wakil kerajaan ke sana mem-

bantu membawa balik adiknya.

Katanya, sepanjang adiknya di sana, dia beberapa kali berikhtiar dengan bertanyakan Wisma Putra tentang bagaimana keadaan adiknya, namun difahamkan adiknya berdepan dengan masalah dokumentasi dan "pasport" yang sudan tarikh luput.

"Masa tur memang tawa-

kal sahajalah dan berharap ada keajaiban juga sebab nak ke sana pun memerlukan kos yang banyak.

"Apapun adik saya dah selamat tiba di Malaysia dan mungkin jadi pengajaran kepada orang lain bahayanya sekiranya mempercayai orang yang tak dikenali,"katanya yang berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak yang ketika itu hadir dalam persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sana,"katanya.

#### Akui terpengaruh dengan tawaran kenalan

Suzana ketika diminta berkongsi cerita bagaimana terpengaruh dengan pujukan ke Peru itu, dia memberitahu, ketika itu sedang ghairah untuk melancong sehingga tidak mendengar nasihat keluarga.

Katanya, mendapat peluang melancong ke Madrid, Sepanyol, Trinidad dan Tobago dan Peru, menaiki pesawat dari Kuala Lumpur yang disangkanya akan menjadi pengalaman menyeronokkan dan sesuatu yang tidak pernah diimpikan sebelum itu akhirnya menjadi pengalaman pahit dalam hidupnya. Dia ditahan ketika mahu berlepas Madrid.